

D709

U B795 AAB
MAHATHIR - ISLAM R R R

(I)

KUALA LUMPUR, 28 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BAHAWA UMAT ISLAM HARI INI TERTEKAN BUKAN KERANA AJARAN ISLAM TETAPI KERANA MEREKA SENDIRI SUKA MEMBUAT TAFSIRAN DAN MENGADAKAN CARA-CARA YANG MENGHALANG DAN MELEMAHKAN MEREKA.

+KITA MENUMPUKAN KEPADA PERKARA-PERKARA TIDAK PENTING, MENGENAI BENTUK DAN PAKAIAN; MANAKALA MENGENAI KEBAJIKAN DAN KEJAYAAN UMAT ISLAM SEPENUHNYA YANG DIPERTANGGUNGJAWAB KE ATAS KITA UNTUK MENJAGA DAN MENGGALAKKANNYA; TIDAK DIHIRAUKAN;+ KATA PERDANA MENTERI KETIKA MERASMIKAN SEMINAR MEMAJUKAN SATU SISTEM PERALATAN KEWANGAN ISLAM DI SINI.

BELIAU BERKATA BAHAWA ALLAH MENGUTUSKAN NABI MUHAMMAD UNTUK MENGAJAR MANUSIA MENGENAI KEIMANAN YANG SEBENAR; BUKAN SEBAGAI BEBAN DAN PENGHALANG KEPADA MEREKA YANG MENERIMA AJARAN ITU.

ISLAM BUKAN HANYA MELIPUTI CARA-CARA UNTUK BERIBADAT KEPADA ALLAH WALAUPUN IA SEBAHAGIAN DARIPADANYA. ISLAM MELIPUTI KESELURUHANNYA TERMASUKLAH SETIAP ASPEK PERLAKUKAN UMATNYA DALAM MASYARAKAT.

+ISLAM MENYEDIAKAN PERATURAN DAN PERTINTAH BERHUBUNG SETIAP PERINGKAT YANG KITA LALUI; DARIPADA KELAHIRAN DAN PERKAHWINAN; SEHINGGALAH KEPADA PERDAGANGAN DAN KEWANGAN DAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA; PEPERANGAN DAN PERDAMAIAN;+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. -- LAGI.

1256MST 28 04 86

D715

U B799 AAB
MAHATHIR - ISLAM 2 KUALA LUMPUR R R R

SEJARAH MEMBUKTIKAN BAHAWA UMAT ISLAM YANG LEPAS MEMPEROLEHI KEMAKMURAN SELEPAS MEREKA MENERIMA ISLAM DAN MAMPU MENYEBARKAN AJARANNYA KE MERATA DUNIA; KATANYA.

BELIAU BERKATA; WALAUPUN MEREKA MENJADI PENGANUT AGAMA YANG MEMENTINGKAN CARA HIDUP KESELURUHANNYA; MEREKA HANYA MENITIKBERATKAN MENGENAI KEMATIAN DAN PEMBALASANNYA. MEREKA KURANG MENGAMBIL BERAT MENGENAI KESAN TERHADAP MASYARAKAT ISLAM DALAM MEMBUAT TAFSIRAN MENGENAI AJARAN ISLAM.

KEPERCAYAAN ZAMAN JAHILIAH; IAITU MENDERITA DI DUNIA UNTUK MENCAPAI KEBAGHIAAN DI AKHIRAT; JUGA MEMPERGARUHI PEMIKIRAN UMAT ISLAM SEHINGGA MEREKA SEOLAH-OLAH MENYIKSA DIRI SENDIRI UNTUK MENIKMATI KEBAGHAGIAN HARI AKHIRAT; KATANYA

BELIAU BERKATA UMAT ISLAM DI MERATA TEMPAT KELAPARAN KERANA MEREKA MELETAKKAN HALANGAN DALAM KERJA BANTUAN DI KALANGAN MEREKA MELALUI PENTAFSIRAN MEREKA.

OLEH ITU; WALAUPUN ISLAM MELARANG PEMBAZIRAN DAN MENGGALAKKAN MEREKA MEMBUAT KEBAJIKAN DAN MEMBANTU GOLONGAN MISKIN SEJAK DAHULU LAGI; SEBILANGAN BESAR HAIWAN YANG DIKORBANKAN DI MINA KETIKA MUSIM HAJI TERTANAM BEGITU SAHAJA DI PADANG PASIR. -- LAGI.

1315MST 28 04 86

D732

R 8809 DEB
MAHATHIR - ISLAM 3 KUALA LUMPUR

+KITA DIBERITAHU BAHAWA KITA TIDAK BOLEH MENGEDARKAN DAGING ITU KERANA DIKHUATIRI ADA ORANG KAFIR YANG DAPAT MEMAKANNYA, TETAPI APAKAH INI YANG DIKEHENDAKI OLEH ISLAM DARIPADA KITA SEBAGAI SATU CARA HIDUP?

+APAKAH ALLAH MAHU RAMAI UMMAHNYA MENDERITA DAN MATI KERANA KEPENTINGAN SECEBIS DAGING YANG MUNGKIN DIPEROLEHI OLEH ORANG KAFIR ITU?+ TANYA BELIAU.

UMAT ISLAM JUGA MENGHADAPI KEADAAN YANG SAMA DALAM BIDANG KEWANGAN. MEREKA MENTAFSIRKAN RIBA SEBAGAI APA JUA BENTUK FAEDAH, TIDAK KIRA BETAPA KECIL DAN MALAHAN BAYARAN KHIDMAT JUGA DIANGGAPKAN SEBAGAI RIBA.

+DENGAN ADANYA KEMUNGKINAN BERKONGSI KEUNTUNGAN SEBAGAI SATU CARA PEMBIAYAAN KEWANGAN, UMAT ISLAM SEBENARNYA MEMPUNYAI WANG YANG LEBIH BANYAK DARIPADA PERNIAGAAN YANG INGIN DIBIYAI DAN OLEH ITU BERIBU JUTA WANG UMAT ISLAM DISIMPAN DALAM BANK BUKAN ISLAM DI NEGARA-NEGARA BUKAN ISLAM.

+SEBENARNYA WANG BERKENAAN AKAN DIPINJAMKAN OLEH BANK-BANK ITU DENGAN MENGENAKAN FAEDAHNYA, KADANG-KALA KEPADA MUSUH-MUSUH ISLAM DAN BANK ITU MENIKMATI HASIL YANG DIPEROLEHI DARIPADA WANG KITA, SEDANGKAN IA MUNGKIN DAPAT MEMBIYAI KEBAJIKAN UMAT ISLAM.+

+AKIBATNYA KITA TERHALANG DARIPADA MENERIMA BANTUAN ITU KERANA IA SATU BENTUK RIBA YANG KITA BENCI, BUKAN RIBA SEBAGAI SATU SEBAB PENDERITAAN -- YANG MENJADI SEBAB IA DILARANG OLEH ISLAM,+ KATANYA.

-- LAGI.
1355MST 28 04 86

D737

U 8812 AAB
MAHATHIR - ISLAM 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA KESILAPAN MEMBUAT PENAFSIRAN MENGENAI ISLAM JUGA BERLAKU DALAM PERNIAGAAN. KEUNTUNGAN 1,000 PERATUS YANG DIPEROLEHI PADA SESUATU KETIKA MELALUI PENJUALAN PETROLEUM DAN HARGA YANG TINGGI MENJEJASKAN RAMAI RAKYAT MISKIN.

+MEMANG JELAS KEUNTUNGAN YANG SANGAT BESAR ITU MENJEJASKAN SEBAHAGIAN BESAR RAKYAT, TETAPI KAMI MENAFSIRKAN AJARAN ISLAM SEBAGAI MENYEBUT BAHAWA KEUNTUNGAN BESAR-BESARAN BUKANLAH SUATU JENAYAH BERBANDING DENGAN PENGAMBILAN FAEDAH WALAUPUN DALAM JUMLAH SEKECIL-KECILNYA.+

BELIAU BERTANYA APAKAH BENAR ISLAM TIDAK MENGHIRAUKAN KESAKITAN DAN PENGANIAYAAN YANG BERLAKU ASALKAN PERINTAH-PERINTAHNYA DIPATUHI?

BELIAU JUGA BERKATA UMAT ISLAM HARI INI TELAH MEMBAZIRKAN WANG DAN MASA. JIKA MEREKA TIDAK BERPERANG ATAU BERTENGGAR ANTARA SATU SAMA LAIN, MEREKA SIBUK BERTELAGAH MENGENAI PERKARA-PERKARA REMEH-TEMEH ATAU BERDEBAT MENGENAI PERKATAAN YANG TIDAK ADA KESUDAHANNYA.

AKIBATNYA, REZEKI YANG ALLAH ANUGERAHKAN KEPADA UMMAH ISLAM TIDAK MEMBERI APA JUA KEBAIKAN KEPADA MEREKA. -- LAGI.
1408MST 28 04 86

D738

U 2813 AAB

MAHATHIR - ISLAM 5 KUALA LUMPUR

MENGENAI BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN ISLAM, BELIAU BERKATA, MEREKA YANG HIDUP HARI INI MENJALANKAN PERNIAGAAN DALAM SUASANA YANG SANGAT TERHAD.

+MALAHAN SISTEM MENENTUKAN KEUNTUNGAN PADA KADAR TERTENTU TERLEBIH DAHULU, MEMBERI KESAN PEMBAYARAN YANG LEBIH MEMBURUKKAN DARIPADA FAEDAH.

BELIAU BERHARAP BAHAWA SEMINAR ITU BERJAYA DALAM MEWUJUDKAN SATU SISTEM BANK SECARA ISLAM YANG AKAN JUGA MENEKANKAN MENGENAI PERINTAH YANG TERKANDUNG DALAM AL-QURAN, BAHAWA PINJAMAN TIDAK HARUS MENJADI BEBABAN KEPADA SIPEMINJAM TETAPI MEMBANTU MEREKA YANG MEMERLUKAN.

SEMINAR ITU JUGA HENDAKLAH MENELITI PENTAFSIRAN MENGENAI MASALAH YANG DIHADAPI OLEH UMAT ISLAM DALAM DEKAD INI. JIKA TIDAK, TIDAKLAH BENAR UNTUK MENGATAKAN BAHAWA ISLAM IALAH AGAMA UNTUK SEMUA ZAMAN, KATA BELIAU.

KIRA-KIRA 24 PESERTA DARI 19 NEGARA MENGHADIRI SEMINAR LAPAN HARI YANG DIANJURKAN BERSAMA OLEH KEMENTERIAN KEWANGAN DAN BANK PEMBANGUNAN ISLAM ITU.

SALAH SATU TUJUAN SEMINAR ITU IALAH Mencari cara dan jalan untuk mewujudkan, menganjurkan dan menggunakan peralatan kewangan Islam yang akan membawa ke arah mobilisasi sumber-sumber kewangan yang berkesan. -- BERNAMA.

1414MST 28 04 86